

MENGHORMATI SESAMA ISLAM

11 NOVEMBER 2022M /16 RABIULAKHIR 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Islam adalah agama yang menyeru umatnya kepada persamaan taraf antara manusia tanpa membezakan warna kulit, bangsa, etnik dan keturunan. Islam mengiktiraf semua manusia adalah sama kecuali yang membezakannya adalah takwa. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Hujurat ayat 13:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ
عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Yang Bermaksud: *“Wahai umat manusia! Sesungguhnya, Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah adalah orang yang paling bertakwa antara kamu (bukan kerana keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).”*

Islam melarang umatnya berbangga dengan keturunan dan bangsa sebagaimana yang dilakukan oleh golongan Yahudi dengan menganggap bahawa keturunan bani Israel sahajalah yang mulia. Manakala bangsa selain Yahudi adalah golongan kelas kedua seperti haiwan dan boleh diperlakukan dengan apa sahaja sehingga dihalalkan membunuh.

Islam amat melarang umatnya melakukan penghinaan disebabkan perbezaan keturunan atau warna kulit. Sebagaimana teguran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada Abu Zar al Ghifari ketika Abu Zar bertengkar dengan seorang hamba yang berkulit hitam serta merendah-rendahkan keturunannya. Tatkala Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mendengar kata-kata Abu Zar tersebut maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menegurnya yang Bermaksud: *“Wahai Abu Dzar apakah kamu menghina ibunya? Sesungguhnya kamu masih memiliki (sifat) jahiliyyah. Saudara-saudara kamu adalah tanggungan kamu, Allah telah menjadikan mereka di bawah tangan kamu. Maka siapa yang saudaranya berada di bawah tangannya (tanggungan) maka jika dia makan berilah makanan seperti yang dia makan,*

bila dia berpakaian berilah seperti yang dia pakai, janganlah kamu membebani mereka sesuatu yang di luar batas kemampuan mereka. Jika kamu membebani mereka, maka bantulah mereka".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Allah Subhanahu wa-Ta'ala juga melarang umatnya menghina dan memperlekehkan orang lain lebih-lebih lagi sesama Islam sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Hujurat ayat 11:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن نِّسَاءٍ
عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَمْرُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَرُوا بِاللِّقَابِ بِئْسَ الْأَسْمُ
الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

Yang Bermaksud : “Wahai orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang yang zalim.”

Oleh itu, syariat Islam melarang umatnya memburuk-burukkan atau menyebarkan keaiban saudara seislam bagi tujuan menghina dan menjatuhkan maruah mereka. Janganlah kita menjadi golongan terlibat dan menyokong perbuatan yang dilarang oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala, dengan menyebarkan fitnah dan keaiban saudara seislam melalui media sosial, sebagaimana yang berleluasa pada masa sekarang. Ingatlah! perbuatan tersebut termasuk salah satu kezaliman terhadap saudara seislam kita.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبَ بَعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

Yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani. "

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ

الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.